

## **BAHASA DALAM KOMUNIKASI KANAK-KANAK SINDROM DOWN**

oleh Puteri Roslina Abdul Wahid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014. Halaman 223. ISBN 976-963-46-4599-4.

Buku ini mengandungi lapan bab berkaitan bahasa komunikasi kanak-kanak Sindrom Down. Teknik penulisannya cukup padat dan mantap. Idea-dea yang diketengahkan cukup bernas dan berkualiti. Dapatan berlandaskan penyelidikan yang sistematik menghasilkan impak yang cukup menarik kepada pendidik yang terlibat dengan pengajaran Orang Kurang Upaya (OKU). Bermula dengan definisi sindrom down, perkembangan kanak-kanak, program pemelajaran bahasa Melayu, bahasa verbal dan bukan verbal, pemerolehan pragmatik dan peranan ibu bapa serta kementerian.

Kebijaksanaan penulis buku ini dapat dilihat dengan memulakan perkara yang asas, iaitu definisi sindrom down (SD) yang bermaksud keadaan kongenital akibat kelainan pada kromosom kanak-kanak. Ketidaksempurnaan kromosom berlaku dalam setiap pecahan sel sewaktu konsepsi. Penulis menghuraikan secara mendalam proses sindrom down dengan menggunakan bahasa sains dan perubatan yang tinggi. Ciri-ciri kanak-kanak SD mempunyai kepala kecil, tubuh pendek, rambut lurus, wajah berbentuk bulat, telinga pula rendah, mata agak sepet, saiz mulut lebih kecil dan sering terbuka. Kebanyakan mereka mengalami kecacatan akal sekitar rendah (50 hingga 70 IQ) kepada sederhana (35 hingga 50 IQ). Individu SD berkembang pada kadar yang lambat pada suatu tahap yang lama berbanding kanak-kanak normal. Selain itu, perkembangan bahasa, komunikasi, sosial, emosi dan kognitif juga lewat. Gambar-gambar SD yang berwarna-warni merangkumi wajah, badan, kaki, lidah, jari, telinga, mulut, hidung dapat memberi gambaran sebenar tentang diri SD.

Kanak-kanak SD turut mengalami masalah kesihatan (jantung berlubang, mudah selesema, radang tenggorok, radang paru-paru, kurang pendengaran, masalah pertuturan, penglihatan dan sistem respirator. Hal ini demikian disebabkan badan tidak dapat memproses nutrien. perlu bertindak balas merangsang sensori stimulus, latihan kawalan otot dan latihan kemahiran fizikal bagi meningkatkan keupayaan mereka agar boleh berdikari serta aktiviti yang boleh mengembangkan mental. Selain itu, infeksi telinga kerap berlaku dan masalah mata seperti katarak yang memerlukan pembedahan. Secara purata umur penghidap SD ialah 55 tahun. Kanak-kanak SD Pemeriksaan pertama telah dapat menentukan sama ada bayi yang baharu lahir mengalami SD atau sebaliknya. Biasanya, ibu bapa tidak dapat menerima hakikat sekiranya anak mereka SD. Namun demikian akan tetap menerima hakikat setelah melalui khidmat kaunseling.

Kanak-kanak SD mempunyai masalah komunikasi disebabkan masalah artikulasi atau sebutan dan kelewatan kemahiran komunikasi. Selain itu, faktor fizikal, iaitu saluran nasal, sinus, mulut yang kecil dan lidah agak terkelepai. Otot pada pipi boleh mengubah kawalan bibir dan mengganggu percakapan SD. Kesan masalah fizikal tersebut menyebabkan SD mempunyai jumlah perbendaharaan kata yang sedikit dan pendek berbanding rakan sebaya kanak-kanak normal. Ibu bapa perlu memberi sokongan penuh dalam mengembangkan kebolehan komunikasi kanak-kanak SD melalui aktiviti perbualan setiap hari. Penulis

memapar gambar-gambar berkaitan proses pembelajaran kanak-kanak SD di dalam kelas dapat menjelaskan bahawa pendidikan kanak-kanak SD adalah penting dan tidak diabaikan. Guru-guru menggunakan kaedah alat bantu mengajar dan teknik pengajaran yang sesuai dengan keadaan mereka yang serba kekurangan.

Pandangan masyarakat kini telah berubah, SD tidak lagi dianggap beban tetapi memberi penerimaan positif dan kasih sayang. Program intervensi awal yang efektif dilaksanakan dalam pendidikan prasekolah dan membantu perkembangan kanak-kanak SD. Ibu bapa yang berfikiran terbuka dan bantuan kerajaan serta badan-badan NGO diharapkan memberi sinar kehidupan SD.

Bab pertama buku ini menjelaskan tentang SD, ciri-ciri fizikal, faktor-faktor yang menyebabkan SD, masalah-masalah kanak-kanak SD, kaedah pendidikan dan teknik pengajaran yang digunakan di prasekolah. Huraian penulis yang mendam tentang kanak-kanak SD amat padat dan bersesuaian dengan tajuk buku ini. Pembaca pula dapat memahami SD dengan sepenuhnya.

Bab kedua penulis mula membicarakan tentang bahasa dan komunikasi secara umum. Bahasa dan komunikasi kanak-kanak SD bermula sejak lahir hingga akhir hayat. Dalam sesuatu penulisan sokongan golongan pakar adalah penting bagi menguatkan dapatan kajian. Banyak pendapat daripada tokoh sarjana bahasa dinyatakan dengan jelas. Asmah Omar (1988, p.45) menyatakan bahasa adalah ayat yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia yang lain dengan bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh ujaran yang terdapat pada tubuh manusia. Atkinson (1990, p.333) membahagikan bahasa kepada dua, iaitu penghasilan bahasa bermula dengan pernyataan pemikiran yang dihasilkan melalui bunyi bagi menyatakan sesuatu ayat. Seperkara lagi pemahaman yang bermula dengan bunyi kata dan menghubungkannya dengan makna untuk membina ayat dan seterusnya memahaminya. Penulis pula berpendapat bahawa bahasa sebagai asas komunikasi. Kebolehan seseorang berkomunikasi bermula sejak lahir melalui bahasa bukan verbal yang merangkumi bahasa reseptif dan bahasa ekspresif.

Seterusnya, penulis menerangkan bahawa kanak-kanak berkomunikasi melalui bahasa yang diperoleh secara pemerolehan sejak lahir (tidak formal) dan secara formal. Komunikasi juga ialah artikulasi penghantaran mesej verbal dan bukan verbal yang melibatkan proses interaksi antara manusia untuk menghantar maklumat dan makna bagi meningkatkan pemahaman antara kedua-dua pihak. Menurut Caitlin Tobey (2008) perkembangan komunikasi kanak-kanak SD mengalami kelewatan. Pada tahap umur lapan hingga sembilan bulan kanak-kanak SD boleh menggunakan 43% ayat pendek. 35% hanya boleh membentuk kata tunggal dan 35% belum boleh bertutur. Kanak-kanak SD mengalami kelewatan bergerak dan pertuturan ekspresif yang tidak difahami. Penulis menjelaskan bahawa SD perlu menguasai kosa kata bahasa sebelum mengetahui aturan tatabahasa. Di sinilah peranan ibu bapa diperlukan bagi menyertai program intervensi awal bagi meningkatkan pertuturan, bahasa dan komunikasi SD.

Menurut Guralnick (2002) kanak-kanak SD kebiasaannya mengalami masalah untuk berinteraksi dengan rakan sebaya dan kanak-kanak sederhana keupayaan mental. Gejala tersebut disebabkan penghasilan pertuturan yang sukar dan penggunaan tatabahasa. Oleh itu, mereka sukar meneruskan ujaran. Oleh itu mereka cenderung menggunakan bahasa bukan verbal (Caselli, 1998). Penulis berpendapat bahasa verbal dan bukan verbal perlu digalakkan oleh ibu bapa. Hal ini boleh membantu perkembangan komunikasi kanak-kanak SD. Walaupun buku ini membicarakan komunikasi kanak-kanak SD tetapi beliau juga turut menyentuh kalangan dewasa SD. Faktor persekitaran banyak mempengaruhi tindak balas dalam komunikasi dengan orang lain. Selain berkeupayaan berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain, mereka boleh berkomunikasi melalui tulisan. Selain itu, mereka juga menggunakan bahasa badan seperti tangan untuk berkomunikasi. Perkembangan bahasa SD adalah bergantung sejauh mana pertambahan perbendaharaan kata manakala masalah komunikasi pula berkait rapat dengan fungsi motor oral. Masalah pertuturan memperlihatkan ketidaklancaran seperti gagap, pengulangan dan pemanjangan pertuturan.

Bab 2 turut membincangkan komunikasi verbal dan komunikasi bukan verbal. Penulis menggunakan sokongan pakar iaitu Gibbs & Carswell (1991:301) mengatakan bahawa kecekapan komunikatif merangkumi simbol verbal (linguistik) dan bukan verbal (bukaaan linguistik). Kedua-duanya adalah asas. Kanak-kanak SD berkomunikasi untuk memenuhi kehendak mereka walaupun taraf kebolehan mereka berbeza. Kanak-kanak SD mempunyai kemahiran bukan verbal yang agak baik. Mereka boleh melakukan kontak mata, senyuman dan memandang individu lain. Namun demikian, perkembangan fizikal agak lewat. Hal ini mengakibatkan peluang untuk pembelajaran semakin berkurangan kerana mereka sukar meneroka dan memperoleh pengalaman baharu. Selain itu, mereka mudah kecewa apabila mengalami kelewatan dalam berkomunikasi ekspresif. Salah satu cara mengatasi masalah berkomunikasi, kanak-kanak SD menggunakan bahasa isyarat untuk menyampaikan mesej.

Penulis turut menghuraikan komunikasi bukan verbal meliputi definisi, contoh-contoh komunikasi tersebut dan tujuan kanak-kanak SD menggunakan komunikasi bukan verbal. Penulis juga menerapkan dapatan kajian sarjana asing bagi memantapkan penulisannya. Salah satunya paralinguistik yang merujuk perlakuan yang mengatakan sesuatu berbanding apa yang dinyatakan. Antara tekanan suara, volum, ritma yang berbeza maknanya jika berbeza penggunaannya. Komunikasi tersebut termasuk gerak badan, ekspresi muka (kening, dahi, mata dan mulut). Gestur ialah gerak badan bukan verbal (tangan, kepala, muka, mata) yang memberi makna yang tersendiri jika dalam kelompok yang saling memahami. Penulis menggabungkan komunikasi verbal dan bukan verbal dalam proses komunikasi membuktikan kedua-duanya saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Kedua-duanya elemen yang penting dan berkait rapat dengan bahasa dan komunikasi kanak-kanak SD.

Bab 3 menumpukan aspek teori dan metodologi. Penulis banyak mengupaskan teori pemerolehan bahasa dan teori komunikasi yang berkaitan kanak-kanak SD. Sememangnya ulasan tokoh-tokoh sarjana barat menjadi rujukan penulis. Teori behaviorisme dipelopori oleh Skinner, Bloomfield, Ryle, Quaine, Fries, dan lain-lain. Teori ini mengatakan bahasa diperoleh melalui proses pengulangan, iaitu mengulang sebanyak mana yang boleh

kemahiran bahasa sehingga menjadi satu kelaziman. Walaupun buku ini mengupas tentang kanak-kanak SD tetapi penulis cuba meluaskan pengetahuan pembaca dengan menghuraikan beberapa teori pemerolehan bahasa dan kanak-kanak secara umum. Antaranya teori behaviorisme yang mengatakan bahasa diperoleh melalui proses pengulangan sehingga kemahiran bahasa menjadi suatu kelaziman. Proses pengulangan berterusan sehinggalah kanak-kanak memperoleh sesuatu kata. Tokoh utama teori ini ialah Skinner yang berpegang bahawa pembelajaran hanya berlaku apabila ada rangsangan dan gerak balas.

Golongan Mentalisme menegaskan bahawa pemerolehan bahasa ditentukan oleh keupayaan semula jadi dan bukan pengalaman hidup. Mentalisme mengutamakan proses yang berlaku dalam minda manusia kerana perubahan persepsi dan pengalaman yang dapat dilihat dari segi tingkah laku sahaja. Otak merupakan alat untuk memperoleh bahasa atau LAD (*Language Acquisition Device*). Tokoh-tokoh yang mendukung teori ini ialah Chomsky, Piaget, Putnam dan Fodor. Proses penguasaan bahasa pertama kanak-kanak bukan hasil pembelajaran tetapi kewujudan sejumlah kapasiti atau potensi bahasa yang berkembang selari dengan proses kematangan intelektual kanak-kanak. Sementara itu, golongan interaksionis memilih jalan tengah antara kedua-dua pandangan. Aspek persekitaran luaran dan faktor bawaan memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Dua pendekatan teori ini ialah kognitif dan sosial. Perkembangan bahasa kanak-kanak lahir dalam persekitaran sosial yang disediakan oleh ibu bapa.

Seterusnya bab 3 juga membicarakan teori komunikasi secara umum dan tidak merujuk komunikasi SD sahaja. Penulis membawa model komunikasi yang dipelopori oleh tokoh-tokoh terkenal di peringkat antarabangsa. Antaranya Model Komunikasi Laswell (1948). Model ini melihat penerima mesej sebagai pasif dan menerima atau menolak sebarang mesej yang disampaikan. Penyebaran mesej bersifat sehala daripada sumber kepada penerima. Komunikasi tersebut bersifat sehala daripada sumber kepada penerima dan berkait rapat "SIAPA berkata APA dan kepada SIAPA; dalam SALURAN apa; dan apakah KESANnya". Bagi Model Shannon & Weaver (1949) pula kejayaan keberkesanan komunikasi manusia boleh diukur berdasarkan kejayaan makna disampaikan pengirim kepada penerima yang membawa kepada perlakuan yang diinginkan oleh pengirim. Model yang dibentuk berdasarkan model elektronik. Konsep yang diperkenalkan oleh model ini ialah tujuan manusia berkomunikasi dan reaksi asal yang ditentukan oleh pembahagian teknikal bagi menganalisis dan menilai transmisi mesej.

Seterusnya Model Osgood (1954) mentafsirkan komunikasi sebagai hubungan dua hala. Komunikasi tidak hanya dilihat sebagai penghantaran mesej daripada pengirim kepada penerima tetapi proses ini sebenarnya melibatkan pertukaran mesej antara penerima dan pengirim. Model ini merupakan komunikasi antara individu. Seseorang itu boleh berfungsi sebagai pengirim apabila dia mengekod sesuatu mesej yang hendak disampaikan, dan sebagai penerima apabila dia mendekod mesej yang diterima daripada individu lain. Model Schramm (1954) pula menekankan tiga model asas, iaitu sumber, mesej dan destinasi. Sumber boleh wujud sebagai individu (pertuturan, penulisan, pelukisan dan gerak badan), mesej wujud dalam bentuk dakwat pada kertas atau gelombang bunyi pada udara dan destinasi merupakan

individu atau kumpulan. Bahasa hanya sistem isyarat yang diringkaskan agar manusia dapat menulis dan membaca. Setiap individu yang terlibat dalam proses komunikasi merupakan pengkod dan penyahkod. Dia menerima dan juga memindahkan mesej.

Model Berlo (1960) lebih menekankan empat unsur dalam menentukan keberkesanan komunikasi, iaitu sumber, mesej, saluran, dan penerima. Setiap unsur mempunyai kekuatan sendiri dan saling berkaitan. Kebolehan kemahiran komunikasi dan kebolehan menguasai kod bahasa menentukan kebolehan mengkod pemikiran kita. Kemahiran komunikasi melibatkan beberapa unsur, iaitu mengetahui dan menerapkan tatabahasa kod, mengetahui dan menggunakan perbendaharaan kata, menerapkan konvensyen dan menyesuaikan penggunaan kod. Dalam hujah seterusnya, penulis memasukkan unsur-unsur komunikasi yang penting. Antaranya, sumber (orang/alat yang memindahkan mesej), pengkodan (proses meletakkan idea dalam bentuk simbol), mesej (maklumat sebenar yang dihantar oleh pengirim), saluran (kaedah yang digunakan untuk menyampaikan mesej), bunyi/gangguan (halangan yang mengganggu kelancaran transmisi mesej, maklum balas, penerima, penyahkodan, tindak balas penerima dan konteks).

Penulisan buku ini lebih menumpukan aspek bahasa dalam komunikasi. Penulis mengemukakan kerangka model kajian dan metodologi untuk panduan penulis membuat analisis dan merumuskan dapatan kajian. Kerangka model kajian dipaparkan dalam bentuk rajah untuk memudahkan pembaca mengetahui perkara-perkara utama yang dikaji berkaitan bahasa. Bahasa dalam komunikasi boleh dibahagikan kepada dua, iaitu komunikasi bukan verbal (paralinguistik, nonlinguistik dan metalinguistik) dan bahasa verbal (bahasa ekspresif) dan bahasa resepsif (pemahaman dan pembacaan). Metodologi pula menjelaskan tentang kaedah, teknik pengambilan data, bilangan subjek, instrumen yang digunakan dan tempat kanak-kanak SD. Buku ini tidak mengemukakan keseluruhan proses pemerolehan bahasa kanak-kanak SD. Pengumpulan data juga terbatas dan perlu mendapatkan kebenaran pihak yayasan SD.

Dalam bab 4, iaitu Perkembangan Kanak-kanak, penulis memfokuskan perbandingan pertumbuhan dan perkembangan fizikal kanak-kanak SD dengan kanak-kanak normal. Terdapat empat domain penting dalam perkembangan kanak-kanak, iaitu perkembangan fizikal, perkembangan sosial-emosional, perkembangan intelektual-kognitif, dan perkembangan pertuturan dan bahasa. Setiap domain diulas dengan begitu terperinci. Dalam pertumbuhan dan perkembangan fizikal setiap kanak-kanak adalah berbeza antara satu sama lain. Sebarang perubahan boleh diukur secara konkrit. Pertumbuhan fizikal termasuk berat badan, ketinggian, lilitan kepala, gigi, kandungan lemak dan rangka tulang. Kadar pertumbuhan fizikal bergerak pantas pada tiga bulan awal selepas kelahiran dan kemudian bergerak perlahan hingga hampir akil baligh (9 hingga 15 tahun). Selepas itu, pertumbuhan bergerak cepat semula. Pertumbuhan tidak semestinya berlaku pada kadar yang sama bagi seluruh anggota badan.

Selain huraian yang terperinci, penulis menggunakan kaedah jadual untuk menunjukkan perbandingan perkembangan fizikal kanak-kanak SD dengan kanak-kanak normal dengan

memasukkan data-data berbentuk angka. Kaedah ini lebih mudah dan cepat berbanding maklumat dalam bentuk teks. Pada peringkat awal bayi SD menunjukkan perlakuan yang sama dengan kanak-kanak normal. Kanak-kanak SD sangat aktif seperti menendang, menggerakkan badan, melambai tangan, dan sentiasa mengubah kedudukannya. Mereka memperlihatkan kelemahan fleksi disebabkan otot yang lemah. Perubahan perlakuan seperti lewat bertindak balas rangsangan (stimuli) dan lewat memulakan gerakan spontan. Kelewatan kawalan postural disebabkan faktor yang menyebabkan kelewatan mencapai penanda aras perkembangan. Perkembangan kanak-kanak SD agak lewat walaupun usia mereka semakin bertambah.

Dalam pada itu, perkembangan intelektual juga lewat dan kebanyakan IQ dalam julat (20-70). Kebanyakan kanak-kanak SD mempelajari kemahiran motor walaupun agak lewat berbanding kanak-kanak normal. Kanak-kanak normal boleh berjalan pada usia 11 bulan, manakala pada usia 15 bulan, mereka sudah boleh berjalan sendiri. Namun begitu, kanak-kanak SD mengalami kelewatan kerana otot masih lemah. Kemahiran motor kasar melibatkan kawalan kepala, bahagian atas dada dan memerlukan bantuan otot yang banyak supaya kanak-kanak bergerak balas dengan persekitarannya. Pergerakan kedua-dua kategori kanak-kanak dibantu gambar-gambar berwarna dapat memberi gambaran sebenar perkembangan fizikal masing-masing. Berdasarkan penampilan gambar sebenar, pembaca buku ini dapat melihat perbezaan rupa paras kanak-kanak kedua-dua kategori.

Seterusnya, bab ini turut memaparkan perkembangan motor halus yang juga merupakan proses menggunakan otot-otot kecil untuk membolehkan kanak-kanak SD menggenggam, mencubit, menulis dan lain-lain. Perkembangan tersebut melibatkan manipulasi tangan dan jari seperti mengutip objek kecil, menggunakan gunting, melukis, menjahit selain pergerakan lidah, muka dan mata. Empat kemahiran motor halus yang perlu dikuasai ialah menggenggam objek, mencapai objek, melepaskan objek dan memusingkan pergelangan tangan pelbagai arah. Penulis menerangkan perkembangan motor kasar dan motor halus kanak-kanak kedua-dua kategori mengikut peringkat umur kanak-kanak dan dipermudahkan melalui ringkasan dalam bentuk jadual. Kaedah ini dapat memberi kefahaman yang cukup jelas kepada pembaca kerana mereka dapat menjimatkan masa dan akan merujuk data-data pada. Sekiranya berlaku sebarang kekeliruan pembaca akan merujuk pada teks yang ditulis.

Merujuk bab ini juga, perkara yang sangat penting yang perlu disentuh ialah perkembangan pertuturan dan bahasa kerana berkaitan dengan tajuk buku ini. Majoriti kanak-kanak SD menghadapi masalah pertuturan dan bahasa yang ketinggalan berbanding kebolehan bukan verbal. Ciri-ciri kelewatan perkembangan ialah penghasilan pertuturan lambat, pembelajaran perbendaharaan kata jauh ke hadapan berbanding tatabahasa, kesukaran menguasai tatabahasa dan sukar bertutur dengan jelas. Kumin (2003) mencadangkan rancangan rawatan komprehensif dengan mengambil kira program latihan bagi mengukuhkan otot motor oral, pemrograman otot dan aras koordinasi, aras penghasilan ujaran, pragmatik, keperluan teknologi dan rujukan pakar.

Perkembangan bahasa ialah proses kanak-kanak memahami dan berkomunikasi menggunakan bahasa zaman awal. Terdapat empat bahagian utama, iaitu fonologi (bunyi kata), morfologi (pembentukan kata), semantik (makna kata), sintaksis (pembentukan ayat) dan pragmatik. Perkembangan pertuturan dan bahasa melibatkan dua aspek, iaitu bahasa reseptif dan bahasa ekspresif. Kanak-kanak lebih menguasai bahasa reseptif kerana mereka lebih memahami apa yang dituturkan tetapi tidak berupaya mengujarkannya secara verbal atau lisan. Pemahaman berkaitan tatabahasa dan gabungan kata bermula pada umur 24 bulan. Peningkatan tatabahasa dan perbendaharaan kata apabila kanak-kanak memasuki prasekolah dan sekolah rendah.

Perkembangan bahasa kanak-kanak diasaskan lima faktor, iaitu keadaan kesihatan fizikal, peluang untuk mengembangkan proses tonal auditori yang baik, peluang untuk mengembangkan proses jujukan auditori, peluang untuk menerima input auditori dan keperluan kanak-kanak untuk bertutur agar dapat difahami. Dalam meningkatkan pemerolehan bahasa penulis menjelaskan empat perkara, iaitu jumlah interaksi dengan manusia, jumlah orang yang berinteraksi dengan kanak-kanak SD, tempoh interaksi dan kepelbagaian aktiviti untuk kanak-kanak SD. Foto-foto berwarna menunjukkan kaedah pengajaran kanak-kanak SD dilakukan secara kolektif dan tidak keseorangan. Setiap kumpulan dikendalikan oleh seorang guru yang berfungsi sebagai monitor.

Kepelbagaian aktiviti dalam konsep pembelajaran yang berupaya merangsang minat kanak-kanak SD. Setiap pendekatan menyelitkan permainan, muzik dan seni lukis. Harus dielakkan pengajaran bercorak konvensional. Penulis memetik beberapa program yang boleh membantu perkembangan pembelajaran kanak-kanak SD, iaitu Program Rangsangan Bayi khusus untuk bayi di bawah umur tiga tahun kerana otak berkembang dengan cepat. Kemudian, Program Intervensi Awal untuk kanak-kanak berusia tiga hingga enam tahun dan Rancangan Pendidikan Individu kerana kaedah pendidikan yang dirangka untuk setiap individu SD yang mempunyai masalah dan kekurangan yang berbeza. Perkhidmatan klinik menawarkan pemulihan pertuturan dan fisioterapi. Di sini penulis tidak menyatakan sejauh mana program-program pemulihan yang dijalankan itu berkesan atau tidak.

Prestasi kanak-kanak SD yang menjalani sesi pemulihan perlu ditunjukkan agar masyarakat dapat mengetahui kebenaran sesuatu program itu. Rekod pencapaian perkembangan setiap kanak-kanak SD wajar ditunjukkan untuk pengetahuan ibu bapa atau pihak kementerian. Setiap program pemulihan mesti ada kelemahan atau kekurangan apabila dilaksanakan. Oleh itu, pentingnya proses pengujian untuk melihat sejauh mana program atau peralatan yang digunakan itu dapat meningkatkan perkembangan fizikal dan IQ kanak-kanak SD. Selain itu, guru dapat memperbaiki kekurangan pada program yang digunakan itu.

Peluang pendidikan kanak-kanak SD tidak pernah diabaikan oleh pihak kementerian dan pertubuhan NGO malah banyak program khas dirancang dan dilaksanakan sepenuhnya sama dengan pendidikan prasekolah yang lain. Salah satu program bagi pendidikan khas ialah pembelajaran bahasa Melayu. Penulis menerangkan dengan terperinci berkaitan pembelajaran bahasa Melayu untuk keperluan khas. Sebelum itu, penulis menjelaskan cara-cara

menentukan sama ada seseorang kanak-kanak itu mengalami kecacatan akal dengan menggunakan ujian IQ (*intelligence quotient*). Melalui ujian IQ kanak-kanak SD boleh dikelaskan kepada tiga kategori, iaitu ringan (skor IQ 50-75), sederhana (skor IQ 30-50) dan teruk (skor IQ 30 ke bawah). Kanak-kanak SD berbeza dari segi perkembangan kognitif, pemerolehan bahasa, perkembangan motor kasar dan motor halus dan masalah perkembangan sosial. Penulis menyatakan terdapat tiga aspek penting berkaitan pembelajaran kanak-kanak SD, iaitu masalah pertuturan, bahasa dan komunikasi.

Seterusnya, penulis memaparkan program pendidikan khas kanak-kanak merangkumi definisi, tujuan program pendidikan khas dilaksanakan, siapa yang mengendalikan, syarat-syarat kemasukan, tempoh pembelajaran, akta-akta yang terlibat. Selain SD, murid *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD), Disleksia, Autisme turut berpeluang menerima program pendidikan khas. Sama dengan sekolah harian biasa program pendidikan khas selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Bahasa Melayu adalah bahasa pertuturan pendidikan khas. Kurikulum bahasa Melayu dirangka. Selaras dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, kurikulum dirancang dan dilaksanakan untuk kanak-kanak SD dengan menggunakan tiga prinsip utama, iaitu pendidikan bertunjangkan JERIS, pembelajaran yang menggembirakan dan bermakna bagi merangsang dan mengekalkan minat untuk belajar. Akhir sekali pendidikan sepanjang hayat agar SD dapat ilmu secara berterusan dalam digunakan dalam hidup. Aktiviti pembelajaran adalah berbeza dan mengikut keperluan kanak-kanak SD.

Dalam bab ini (Bab 5) penulis membicarakan dapatan kajian yang menjurus pada bahasa resepsif kanak-kanak SD. Beliau tidak hanya menyisipkan dapatan tokoh-tokoh sarjana terkenal tetapi melaksanakan kajian bagi membuktikan sejauh mana pencapaian SD terhadap bahasa Melayu. Bahasa resepsif merujuk kemahiran memahami bahasa termasuklah kebolehan membezakan bunyi. Kanak-kanak SD tidak boleh mengingat ilmu yang telah diajar atau menyebut tetapi boleh memahami dan fungsi anggota badan serta apa yang berlaku di sekitarnya. Selain itu mereka bersikap pendiam dan gagal membentuk ayat yang lengkap apabila berkomunikasi. Salah satu faktor ialah kurang memperoleh kosa kata dan aktiviti membaca. Walau bagaimanapun kanak-kanak SD berupaya menyelesaikan kerja, memahami arahan dan boleh bekerjasama dalam kumpulan. Mereka memerlukan masa yang lama untuk memahami makna perkataan dan guru menggunakan kaedah visual atau gambar.

Ketidakupayaan bahasa resepsif boleh memberi kesan terhadap kebolehan memahami ujaran atau bahasa tulisan. Selain itu mereka sukar bertutur dan menyusun idea dalam pemikiran. Kesannya, mereka mengalami masalah dalam berkomunikasi dengan rakan atau orang sekelilingnya. Ketidakupayaan bahasa resepsif juga dikaitkan dengan kesukaran pusat pemrosesan bahasa dalam otak dan menyukarkan SD untuk menulis. Dalam buku ini dipaparkan gambar-gambar berwarna tulisan kanak-kanak SD secara jelas. Penulis berpendapat mereka perlu dirawat melalui Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Rawatan tersebut untuk terapi bahasa untuk mereka mengembangkan kepentingan hubungan kata dan bunyi. Mereka perlu banyak diberi latihan dan aktiviti agar kemahiran psikomotor penguasaan bahasa resepsif dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.



Dapatan kajian penulis seterusnya merujuk bahasa ekspresif, iaitu sejauh mana kebolehan kanak-kanak SD menggunakan sistem bunyi (fonologi), memilih kata-kata dan menyusun ayat dengan baik (morfologi dan sintaksis), mengujarkan sesuatu pemikiran bermakna dan menggunakan pelbagai fungsi bahasa (pragmatik). Ketidakupayaan bahasa ekspresif kanak-kanak SD menunjukkan mereka menghadapi masalah ekspresif verbal dan pembacaan. Mereka sukar menyebut vokal (a, e, i, o, u), sukar menjawab soalan lisan, dan tidak boleh membaca. Selain itu, mereka tidak mampu membina ayat, susunan tatabahasa yang salah dan mengingat kemahiran lalu. Mereka tidak dapat mengaitkan pemikiran, keperluan atau keinginan yang sama dengan kanak-kanak normal yang lain. Walaupun pencapaian mereka negatif tetapi boleh memahami peraturan dan tahap kecerdasan yang sama dengan kanak-kanak normal.

Berdasarkan data yang diperoleh dapatan menunjukkan tahap pembacaan subjek agak lemah. Pembacaan mereka dengan bimbingan guru. Memandangkan tahap kognitif mereka lewat penulis mencadangkan kanak-kanak SD belajar dalam kumpulan untuk berlatih bertutur untuk meningkatkan komunikasi. Kaedah lain guru dan ibu bapa bekerjasama mengintegrasikan bahasa lisan dalam aktiviti harian dan bermain. Kajian ini memperlihatkan bahawa kanak-kanak SD merupakan pelajar visual daripada pelajar auditori. Penguasaan bahasa verbal mengambil masa yang panjang dan penggunaan bahasa bukan verbal banyak membantu meningkatkan komunikasi kanak-kanak SD. Beliau mencadangkan agar pendekatan dalam pembelajaran dan pemerolehan bahasa Melayu kanak-kanak SD perlu dikaji agar penggunaan bahan konkrit dapat meningkatkan perkembangan kognitif bagi merangsang pembelajaran bahasa Melayu. Penulis juga menunjukkan alat-alat bantu mengajar yang sesuai untuk pembelajaran kanak-kanak SD dalam kelas.

Seterusnya Bab 6 lebih menumpukan pemerolehan bahasa verba dan bahasa bukan verbal. Menurut penulis pemerolehan bahasa verbal kanak-kanak SD boleh dilihat dari dua sudut, iaitu kemahiran bahasa ekspresif merangkumi semantik, meluaskan min ujaran, struktur bahasa dan kata bilangan. Bahasa resepsif pula tertumpu pada memori auditori, memahami arahan, latihan dan pengalaman bermain. Kemahiran pragmatik berkaitan permintaan, bantuan, ucapan, dan permainan. Penguasaan bahasa verbal diperoleh tanpa pengajaran formal kerana mereka terdedah dengan bahasa lisan. Menurut penulis perkembangan bahasa kanak-kanak SD agak lewat dibandingkan secara relatif dengan perkembangan kognitif, motor dan sosial. Dalam memantapkan dapatan kajian beliau menggarapkannya dengan dapatan kajian sarjana asing. Menurut Millar (1999) mendapati tahap bahasa resepsif yang lebih tinggi selain bahasa bukan verbal dalam kalangan kanak-kanak SD. Namun demikian terdapat pola yang berbeza bagi kumpulan kecil memperlihatkan perkembangan yang ketara bagi bahasa ekspresif dan bahasa bukan verbal. Kajian juga menunjukkan jumlah yang kecil bagi kumpulan yang memperlihatkan kelewatan dalam pemerolehan bahasa reseptif dan bahasa ekspresif.

Bagi kajian yang dilakukan oleh penulis terhadap kanak-kanak normal, dapatan menunjukkan penggunaan bahasa verbal amat menggalakkan dan mereka mempunyai pelbagai cara

menjalin hubungan sosial melalui bahasa dengan orang sekitarnya. Bagi kanak-kanak SD, umur biological tidak sama dengan umur akal. Maksudnya perkembangan akal mereka ketinggalan antara tiga hingga empat tahun berbanding usia sebenar. Beliau memberi contoh jika kanak-kanak normal boleh berjalan pada usia setahun, kanak-kanak SD hanya belajar berjalan sekitar usia dua atau dua setengah tahun. Penulis mengemukakan pendekatan yang sesuai, iaitu pendekatan *neurodevelopmental*. Pendekatan tersebut menggalakkan permainan bahasa yang menarik perhatian untuk meningkatkan keupayaan mereka bertutur dan kurang menyoyal serta bersabar.

Berkaitan kemahiran bahasa verbal, penulis mendedahkan tidak dikaji oleh penyelidik tempatan sebaliknya banyak bergantung pada bahan bacaan dan dapatan kajian asing. Perkembangan bahasa verbal akan mempengaruhi kemahiran kognitif kanak-kanak secara langsung. Pertalian tersebut membolehkan kanak-kanak boleh berfikir tentang istilah, menaakul, mengingati semula, mengira matematik. Namun kemahiran ini berbeza dengan kanak-kanak SD kelewatan perkembangan bahasa akan mengakibatkan kelewatan perkembangan kognitif kerana bahasa merupakan alat bagi mendapatkan pengetahuan, pemahaman, pemikiran, penaakulan dan daya ingat. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penulis menjelaskan pemerolehan bahasa verbal boleh dilakukan dengan menggunakan bentuk visual atau gambar untuk mengaitkan kosa kata dengan makna (objek). Mereka didedahkan dengan visual terlebih dahulu dan kemudian menyebut huruf. Penulis memberi contoh dialog antara guru dengan kanak-kanak SD.

Kanak-kanak SD belum berkebolehan berbahasa dengan baik kerana tidak mencapai tahap tatabahasa yang baik. Malah sekitar umur antara sembilan hingga 12 tahun tahap pemerolehan bahasa hanya satu atau dua suku kata sahaja. Oleh itu sukar kanak-kanak SD mengujarkan ayat-ayat lengkap. Sebagai langkah untuk mengatasi masalah tersebut mereka menggunakan bahasa bukan verbal. Pada zahir sememangnya kanak-kanak SD lewat menguasai bahasa verbal kerana faktor terlalu sedikit interaksi, kurang bermain dengan rakan-rakan, kontak jalan mati. Bahasa bukan verbal merujuk gerak badan, isyarat, jarak, nada suara, kinestik, pralinguistik. Kemahiran tersebut diperolehi oleh mereka pada peringkat awal perkembangannya dan berlaku sama ada secara sedar atau tidak sedar. Walau bagaimanapun mengalami kelewatan dalam perkembangan fizikal. Kesannya boleh mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak itu sendiri.

Penulis menerusi bab ini mengulas dengan panjang lebar perkembangan bahasa bukan verbal kanak-kanak SD. Antaranya gerak badan dan bahasa isyarat. Beliau mengatakan pergerakan tersebut paling banyak digunakan untuk menyampaikan mesej ketika berkomunikasi dengan guru, ibu bapa dan rakan-rakan. Selain itu, pergerakan tersebut untuk meluahkan perasaan marah seperti menggenggam tangan atau mengetap bibir. Hujah penulis juga dikukuhkan lagi oleh Konvensyen Kongres Sindrom Kebangsaan Amerika Syarikat bahawa 15 isyarat pemula kanak-kanak SD, iaitu makan, minum, katil, selesai, biskut, botol susu, ibu, ayah, blok, bot, bola, kucing, dan anjing. Gerakan badan dilakukan dengan meniru bunyi atau gaya objek yang dinyatakan. Guru yang membimbing perlu memilih bahasa isyarat yang sesuai untuk mereka agar mesej yang disampaikan itu difahami oleh mereka.

Dalam bahasa isyarat, penulis menjelaskan perbendaharaan kata dan sintaksis yang diwakili gerakan tangan sahaja. Tangan digunakan untuk menyampaikan maklumat dan mata digunakan untuk menerima maklumat. Contohnya melambaikan tangan tandanya selamat tinggal, ekspresi wajah melambangkan sikap dan emosi sama ada ceria atau masam. Penulis tidak mahu membosankan pembaca untuk menelaah buku melalui teks yang panjang lebar berkaitan maksud gerakan badan atau bahasa isyarat. Beliau meringkaskannya dalam bentuk jadual 6.1 pada muka surat 177. Selain itu, diselitkan isyarat prosodi termasuklah kadar, tekanan, hentian, dan nada yang memberi makna tertentu pada sesuatu ayat yang diujarkan. Dapatan kajian beliau menunjukkan kanak-kanak SD menggunakan tekanan tinggi dengan mengulangi beberapa kali kata yang diajar bagi kemarahan atau kebosanan. Kesimpulannya kanak-kanak SD sama seperti kanak-kanak normal suka bersosial dengan rakan-rakan sebaya. Namun begitu, mereka masih memerlukan sokongan dalam proses interaksi kerana akan timbul salah faham apabila sebutan mereka tidak jelas dan sukar difahami oleh orang lain. Penggunaan bahasa bukan verbal membantu meningkatkan komunikasi kanak-kanak SD.

Bab 7 menjelaskan pemerolehan pragmatik yang diperoleh kanak-kanak SD adalah melalui proses sosialisasi. Penulis menjelaskan dalam bab ini berkaitan komunikasi kanak-kanak SD dengan memfokuskan tiga kemahiran, iaitu penggunaan bahasa untuk tujuan tertentu (ucapan, permintaan dan tuntutan), membuat penyesuaian bahasa mengikut konteks dan situasi serta keperluan pendengar. Contohnya pendekatan yang berbeza apabila kanak-kanak bertutur dengan rakan sebaya, guru, atau ibu bapa. Seterusnya mematuhi peraturan perbualan atau bercerita dengan memperkenalkan tajuk perbualan dan mengekalkan topik perbualan. Sebelum itu, penulis menerangkan makna pragmatik berdasarkan pendapat sarjana asing dan tujuan penggunaannya. Perkembangan pragmatik kanak-kanak biasanya selari dengan perkembangan bahasa mereka.

Sama seperti dalam bab-bab sebelum ini penulis menggarapkan pendapat pakar-pakar tempatan dan asing untuk menyokong dapatan kajiannya. Menurut Zaidatul Azma (2006:23) seorang kanak-kanak SD sudah mendapat kecekapan pragmatik jika diperlihatkan pengetahuan tentang struktur dan bentuk bahasa yang difahami dan dituturkan untuk tujuan komunikasi. Selain itu mereka perlu banyak mengetahui kosa kata, penggunaan laras dan penukaran kod mengikut situasi. Mereka juga perlu mengetahui peraturan sosial, iaitu cara berkelakuan mengikut konteks sosial. Tham Kah Wai (1998) yang mengkaji tentang pragmatik kanak-kanak SD mendapati empat kemahiran berkaitan kanak-kanak SD, iaitu fungsi komunikatif, tindak balas kepada komunikasi, interaksi dan perbualan dan variasi kontekstual. Setiap kemahiran dihuraikan dengan terperinci. Seorang lagi tokoh ialah Kendra Marasco (2004) melihat pragmatik berkaitan dengan tiga kemahiran bahasa, iaitu tujuan komunikatif, peraturan bahasa bukan verbal dan peraturan bahasa verbal. Kelewatan yang sederhana dalam kemahiran pragmatik bahasa kanak-kanak SD sememangnya sudah dijangkakan. Ibu bapa perlu memainkan peranan membantu perkembangan pragmatik anak-anak mereka.

Penulis juga menyentuh pragmatik daripada dapatan kajian yang telah dianalisis. Aspek pragmatik diperoleh daripada proses sosialisasi. Antara kemahiran yang dapat dikesan ialah kebolehan kanak-kanak mengembangkan kemahiran ketika berbual, berdialog, berlakon, dan bercerita. Perkembangan ini berlaku secara beransur-ansur apabila kanak-kanak mula berinteraksi dengan persekitaran. Kanak-kanak kurang berkebolehan memberi maklumat, memberi arahan, mengambil giliran bertutur dan bantuan dalam kerja seharian. Mereka juga memperoleh kemahiran pragmatik apabila mempunyai pengetahuan tentang struktur dan bentuk bahasa yang hendak digunakan, laras bahasa dan cara berkelakuan apabila berkomunikasi dalam konteks sosial termasuk penggunaan kata ganti nama diri yang sesuai dengan amalan berbudi bahasa dalam masyarakat hari ini. Hampir semua subjek kajian mengetahui sistem panggilan. Perkembangan kognitif mereka juga berkaitan dengan kebolehan belajar menaakul perkara baharu.

Selain itu, penulis turut membincangkan kecelaruan pragmatik. Gejala tersebut berlaku apabila kanak-kanak SD menggunakan bahasa yang berlainan daripada penggunaan umum. Mereka mengetahui makna tetapi menghadapi masalah untuk menentukan penggunaannya yang sesuai mengikut konteks. Mereka sukar menyimpan maklumat, imej, bunyi, dan stimulus dalam masa yang singkat. Kanak-kanak SD didapati mudah lupa dan sering melakukan sebutan tanpa makna serta banyak menggunakan bahasa bukan verbal. Penguasaan pragmatik adalah penting untuk melancarkan komunikasi kanak-kanak SD kerana mereka boleh bersosial dengan menggunakan bahasa yang sopan. Perkembangan kognitif yang memberangsangkan akan mempengaruhi perkembangan pragmatik kanak-kanak SD. Kemahiran sosial seperti berinteraksi dengan orang di sekeliling serta mudah mesra boleh membantu kemahiran pragmatik kanak-kanak SD.

Dalam bab penutup penulis memperkenalkan kepada umum tentang SD berdasarkan dapatan sarjana asing dan yang lebih penting dapatan kajian beliau di pusat-pusat SD di sekitar Kuala Lumpur. SD bukanlah penyakit tetapi akibat kecelaruan kromosom 21 sewaktu berlaku persenyawaan. Perkara pertama nasihat beliau ialah ibu bapa perlu menerima hakikat hidup dan bersikap positif jika anak mereka adalah SD. Oleh itu perkembangan IQ mereka, sewajarnya perlu diberi perhatian yang serius terutama program pendidikan yang sesuai, guru, pemakanan, dan tempat tinggal dan suasana persekitaran yang dapat membantu perkembangan IQ, bahasa dan ujaran lisan. Ibu bapa perlu mengikuti perubahan mental dan fizikal selari dengan usia mereka. Penulisan juga mencadangkan langkah-langkah yang sesuai dilakukan dalam mendampingi kanak-kanak SD.

Berkaitan proses pemelajaran bahasa Melayu dan komunikasi kanak-kanak SD, penulis memberi panduan kepada guru-guru yang terlibat langsung dengan program pengajaran OKU khususnya kanak-kanak SD. Antara lain guru perlu menatap muka dan pastikan berlaku kontak mata ke mata. Suara tidak perlu tinggi tetapi pada nada yang sama. Penggunaan bahasa verbal perlu disokong dengan alat visual. Setiap arahan perlu diulang kali. Penggunaan kata kunci adalah amat penting semasa berinteraksi dengan kanak-kanak SD. Pengajaran bahasa kanak-kanak SD yang sesuai ialah secara individu atau dalam satu kelompok yang kecil agar guru dapat memfokuskan terhadap seorang pelajar. Bagi kanak-

kanak yang mengalami masalah pendengaran, guru boleh menggunakan pengajaran visual agar mereka dapat mendiskriminasikan bunyi. Tambahan jangka hayat memori mereka singkat. Guru perlu melakukan pengulangan yang kerap.

Penulis juga mencadangkan kaedah perbandingan konsep dalam pembelajaran kanak-kanak SD. Mereka dapat belajar dengan lebih baik melalui penglibatan aktif berbanding duduk dan dengar semata-mata. Tugas yang diberi perlu diberikan perlu memperlihatkan langkah demi langkah agar mereka lebih mudah memahami dengan baik. Kanak-kanak SD perlu diberi peluang menunjukkan bakat masing-masing melalui persembahan bagi membentangkan pelajaran yang dipelajari. Ibu bapa dan ahli keluarga pula wajar meluangkan masa untuk berinteraksi dengan mengulangi apa yang telah dipelajari oleh kanak-kanak SD. Mereka perlu digalakkan untuk mengangkat tangan bagi menyatakan masalah yang dihadapi. Ibu bapa boleh menggunakan alat permainan supaya mereka berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Walaupun pencapaian mereka amat lemah, ibu bapa tidak perlu bimbang kerana sistem pembelajaran mereka berbeza dengan kanak-kanak di sekolah biasa.

Sebelum penutupan, penulis memberi panduan dan nasihat khususnya kepada ibu bapa dan guru-guru yang terlibat dengan kanak-kanak SD agar meminta bantuan khidmat nasihat daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab seperti Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia. Pihak tersebut boleh menyediakan perkhidmatan pendidikan bagi kanak-kanak SD, Autisme, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD), terencat akal dan kanak-kanak bermasalah pembelajaran spesifik seperti Disleksia. KPM menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk murid keperluan khas yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran, dan pembelajaran serta pemulihan khas. Pendidikan selari dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) memberi peluang kepada mereka untuk berdikari dan mendapatkan pekerjaan apabila dewasa kelak.

**Dr Mohd Helmi Bin Pangat**  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur